

22 MAR 1996

Poland - Kerjasama

POLAND HARAP KERJASAMA DENGAN MALAYSIA BERKEMBANG PESAT

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Poland melahirkan harapan agar perbincangan dan hubungan yang terjalin hari ini dengan para pegawai Malaysia akan memberi laluan ke arah kerjasama lebih baik dan pertumbuhan pesat dalam hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara pada masa depan.

"Dalam perbincangan saya dengan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kami bersetuju bahawa jumlah dagangan pada masa sekarang yang berjumlah AS\$120 juta tidak memuaskan kepada kedua-dua negara," kata Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz pada persidangan berita di Carcosa Seri Negara hari ini.

Beliau berkata: "Dr Mahathir dan saya memberi sokongan penuh bagi mempertingkatkan lagi pembangunan dan jalinan kerjasama baru dalam beberapa bidang dan bersetuju melancarkan forum-forum baru untuk kerjasama seumpama."

Cimoszewicz juga melahirkan keyakinan bahawa tawaran negaranya untuk membekalkan peralatan pertahanan akan diterima oleh Malaysia dalam usaha untuk memodenkan pasukan tenteranya memandangkan Poland menawarkan barangan berkualiti pada harga berpatutan.

Beliau berkata memandangkan Malaysia terbabit dalam pemulihan semula Bosnia-Herzegovina, Poland akan membantu Malaysia dalam penggunaan pelabuhan-pelabuhan Poland kerana Dr Mahathir telah menyatakan akan menggunakan kemudahan Poland dalam penghantaran peralatan ke Bosnia.

Beliau berkata Malaysia juga berminat untuk menggunakan pelabuhan-pelabuhan Poland dan kemudahan pelabuhan bagi meningkatkan hubungan perdagangan.

"Semasa perbincangan itu, Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa satu rombongan kerajaan dan perniagaan akan melawat Warsaw tahun ini untuk menarik pelaburan dari Poland dan saya mengambil peluang mengemukakan lebih banyak tawaran konkrit.

"Kami bersetuju bahawa satu pendekatan lebih dinamik dan agresif perlu dilancarkan oleh Agensi Pelaburan Asing Poland dan Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Malaysia," katanya.

Beliau gembira kerana pada hari pertama lawatannya di sini, Poland dan Malaysia menandatangani satu perjanjian mengenai kerjasama ekonomi dan teknikal manakala satu rombongan ahli perniagaan Poland mengadakan perbincangan dengan ahli perniagaan di Malaysia.

Perbincangan itu merangkumi kemungkinan syarikat-syarikat Poland terbabit dalam program pembangunan Malaysia dengan membekalkan penjana elektrik dan penghantaran elektrik, peralatan untuk Keretapi Tanah Melayu Berhad, jentera pembinaan, pemodenan kemudahan pelabuhan dan pemasangan mesin untuk keperluan industri makanan.

Cimoszewicz, yang tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari, berkata beliau turut menyampaikan jemputan presidennya kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Tuanku Najihah untuk melawat Poland.

"Saya juga menjemput Dr Mahathir membalas lawatan ke Poland. Memandangkan beliau akan melawat Bosnia-Herzegovina bulan depan, saya berharap beliau mengambil peluang itu untuk melawat Poland," katanya.

Katanya semasa perbincangan beliau dengan Seri Paduka dan Dr Mahathir hari ini, beliau menjelaskan kedudukan politik dan ekonomi di negaranya. --

BERNAMA

ZAB CR MAI

